

Perutusan Hari Krismas

Melalui Radio Dan Televisyen Malaysia, 24 Disember 2001

Saya dan isteri saya mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia yang menganut agama Kristian.

Saya berasa gembira sambutan perayaan Hari Krismas di negara kita dapat diadakan dalam suasana tenang dan sempurna walaupun dunia sedang bergolak dan menghadapi kemelesetan ekonomi akibat beberapa bencana dan peristiwa buruk yang berlaku tahun ini.

Tahun ini adalah tahun yang penuh dengan mala petaka buatan manusia. Keganasan dan peperangan terus berlaku dengan mengorbankan beribu-ribu manusia yang tidak berdosa seperti di Amerika Syarikat, Afghanistan dan Palestin. Di sesetengah negara kehidupan rakyatnya masih terus terancam dan menderita kerana pelbagai masalah.

Tetapi di negara kita, rakyat hidup selesa dan bebas. Rakyat kita amat bertuah kerana kita selalunya bersikap sederhana dan toleran antara satu sama lain walaupun jika menganut agama yang berlainan. Dengan itu dapat kita elak daripada bencana buatan manusia.

Tetapi kita tidak boleh lengah dan terlalu yakin kita akan selalunya selamat. Terdapat ramai penghasut dari luar dan dalam yang cuba meretakkan hubungan baik antara rakyat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Berselindung dengan kononnya perjuangan untuk demokrasi dan hak asasi manusia, mereka ini akan cuba mencetuskan huru-hara yang boleh menjejaskan kestabilan negara. Di belakang semua perjuangan mereka terdapat kepentingan politik tertentu.

Kita tidak boleh benarkan mereka mengguna kebebasan demokrasi dan pemerintahan berasas undang-undang di negara kita di salahgunakan oleh mereka ini untuk mengancam kestabilan negara yang telah kita usahakan dengan begitu bersusah payah.

Jika hari ini penganut agama kristian dan agama-agama lain dapat mengikuti agama masing-masing sebabnya ialah kerana kita mempunyai pemerintahan yang prihatin terhadap semua rakyat.

Dengan memperingatkan akan asas kebebasan beragama di Malaysia ini, saya dan isteri serta Kerajaan juga mengucapkan Selamat menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Kristian.

